

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	29 JUNE 2016

Najib ceriakan warga tua

BH - 29/6/2016

→ Terharu
dapat layanan
istimewa PM

► Kuala Lumpur

Tanpa permaidani merah Datuk Seri Najib Razak semalam, muncul menjeriakan sebahagian penghuni Pusat Penjagaan Al-Fikrah ketika mereka membeli-belah pakaian raya di Kedai Kain Rakyat 1Malaysia (KKR1M) di Bandar Tun Hussein Onn, Cheras dekat sini.

Ketibaan Perdana Menteri

yang berbaju kemeja putih dan seluar hitam pada jam 5 petang, disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengerusi KKR1M Mohd Noor Mohd Amin serta kakitangan KKR1M.

Kegembiraan jelas terpancar pada wajah penghuni pusat penjagaan itu kerana bukan sahaja berpeluang memilih sendiri baju baharu yang diingini mereka tetapi menerima kunjungan Perdana Menteri dan dapat langsung meluahkan ucapan penghargaan 'Terima Kasih PM, belanja baju raya kami'.

Dalam lawatan turun padang itu, Najib berkata beliau akan berusaha sedaya upaya untuk memastikan rezeki dan nikmat

yang dikurniakan oleh Allah SWT dapat dikongsi bersama seluruh rakyat.

Pilih sendiri baju raya

"Hari ini, mereka dapat memilih sendiri baju raya dan juga membeli-belah apa yang diingini untuk menyambut hari raya. Saya berharap ini sedikit sebanyak dapat mengembalikan kemeriahan Syawal mereka.

"Selepas melawat mereka sebelum ini, saya sedar mereka kurang berupaya untuk keluar bersiar-siar, namun saya ingin memberikan mereka peluang untuk menikmati kemeriahan Syawal sebagai sebuah keluarga," katanya dalam ucapan di

depan warga penghuni pusat jagaan itu.

Dalam bergembira menyambut ketibaan Syawal, katanya, rakyat seharusnya sentiasa memperkukuh hubungan sesama insan, terutama bersama mereka yang kurang bernasib baik.

"Semoga sambutan Aidilfitri kali ini lebih bermakna bagi warga Al-Fikrah," katanya yang meluangkan masa hampir sejam bersama penghuni pusat jagaan itu.

Seorang penerima sumbangan, Maakip Waakup berkata beliau gembira kerana Perdana Menteri memilih sepasang baju Melayu untuk dipakainya pada pagi Aidilfitri nanti. **BERNAMA**